
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Kolej Teknologi Pulau

**Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang
Sidang Akademik 2007/2008
Jun 2008**

**Program Ijazah Luaran
Ijazah Sarjana Muda Pengurusan (Kepujian)**

AFW362 – Pengurusan Institusi Kewangan & Pasaran

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab mana-mana **LIMA (5)** soalan.

Pilih dan jawab mana-mana LIMA (5) soalan.**Soalan 1**

1. Nilai mata wang diselaraskan mengikut perubahan keadaan permintaan dan penawaran mata wang yang bergerak ke arah keseimbangan. Di dalam realiti, kedua-dua permintaan dan penawaran mata wang boleh berubah serentak dan kadar penyelarasian tukaran wang akan berpandukan arah dan kadar perubahan ini.

Sebagaimana yang kita ketahui, penawaran dan permintaan mata wang di pengaruhi oleh beberapa faktor, seperti (a) perbezaan kadar faedah, (b) perbezaan kadar inflasi dan (c) intervensi kerajaan. Apakah yang dimaksudkan di dalam (a), (b) dan (c). Jelaskan dengan memberi ilustrasi.

[20 markah]

Soalan 2

- (a) Jelaskan tentang perhubungan di antara teori jangkaan tulen (pure expectation theory), teori kecairan premium (liquidity premium theory) dan teori segmentasi (segmentation theory).

[10 markah]

- (b) Apakah kebaikan dan keburukan jika sesebuah firma menerbitkan kupon-bon-rendah (low-coupon bond) dan kupon-bon-sifar (zero-coupon bond)?

[10 markah]

Soalan 3

- (a) Bon korporat mempunyai beberapa ciri-cirinya tersendiri. Jelaskan dengan ringkas lima (5) daripada tujuh (7) ciri-ciri yang ada pada bon korporat.

[10 markah]

- (b) Terangkan dengan ringkas tentang objektif dan fungsi Bank Negara Malaysia.

[10 markah]

Soalan 4

Apakah tiga alat dasar monetari yang digunakan oleh Bank Negara Malaysia untuk keseimbangan penawaran dan permintaan pasaran resab dan keseimbangan kadar faedah? Jelaskan.

[20 markah]

Soalan 5

Jelaskan apakah yang dimaksudkan dengan faktor-faktor di bawah:

1. Risiko Engkar (Default risk).
2. Kecairan (Liquidity).
3. Status Cukai (Tax status).
4. Tempoh Matang (maturity).
5. Ciri-ciri Khas Peruntukan (special provisions such as a call feature).

[20 markah]

Soalan 6

Apakah risiko kredit dan risiko kadar faedah? Bagaimanakah risiko kredit dikaitkan dengan konsep pilihan negatif dan bahaya moral? Apakah langkah yang diambil oleh bank untuk mengurangkan pendedahan kepada risiko kredit? Kenalpasti antara pilihan negatif dan bahaya moral. Bagaimanakah konsep pilihan negatif dan bahaya moral dapat menjelaskan tentang prinsip pengurusan risiko kredit yang diamalkan oleh bank-bank.

[20 markah]